



جامعة  
Teknologi  
MARA



# The Epitome

/ɪ'pɪtəmi/

Academy of Language Studies, UiTM Kedah Branch

Volume 1  
Issue 3





## **COPYRIGHT PAGE**

Copyright© 2023 by Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch.


All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions, and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

eISSN 3009 – 0075

Published by:  
UiTM Cawangan Kedah,  
Pn. Razanawati Nordin, Chief Editor,  
UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sg. Petani, 08400 Merbok, Kedah  
Email address: [razanawati@uitm.edu.my](mailto:razanawati@uitm.edu.my)  
Contact No: 044562421

Copy Editor: Ms. Rafidah Binti Amat & Ms. Nor Asni Syahriza Abu Hassan  
Graphic Designer: Mr. Mohd Hamidi Adha Mohd Amin



# APB KEDAH : THE EPITOME

# editoboard

## Advisor



Mr. Azlan Abdul Rahman

## Chief Editors



Dr. Nur Syazwanie  
Mansor



Puan Razanawati  
Nordin

## Managing Editors & Promotion



Puan Sharifah Syakila  
Syed Shaharuddin

## Editors & Content Reviewers



Puan Hajah  
Sharina Saad



Puan Phaveena  
Primsuwan



Puan Samsiah  
Bidin



Dr. Berlian  
Nur Morat



Puan Syazliyati  
Ibrahim



Ustaz Mohd Zulkhairi  
Abd Hamid



Puan Noor 'Izzati  
Ahmad Shafai



Cik Lee Chai Cuen



Mr. Mohd Hamidi  
Adha Mohd Amin




Puan Nor Asni  
Syahriza Abu  
Hasan



Puan Mas Aida  
Abd Rahim

## Technical



Puan Rafidah  
Amat



Puan Khairul  
Wanis Ahmad

## Graphic Designer



Mr. Mohd Hamidi  
Adha Mohd Amin

## Copy Editor



Puan Rafidah  
Amat



Puan Nor Asni  
Syahriza Abu  
Hasan



Miss Nurfarisyah  
Hafiz

## Assistant Copy Editor



# synopsis

The Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah is thrilled to announce the release of the third edition of its e-magazine, The Epitome. This publication exemplifies our steady dedication to fostering creativity in language and literature.

The primary objective of THE EPITOME is to offer a platform where writers, educators, scholars, poets, and researchers can come together to exchange their ideas, discoveries, expertise, and narratives. Our special focus revolves around an array of creative writing genres, encompassing Playwriting, Short stories, Songs, Speeches, Memoirs, Literary Journalism, Humour writing, Lyric essays, Innovative essays, and Personal essays, with a goal to embrace diverse linguistic expressions, with content available in four languages: English, Bahasa Melayu, Mandarin, and Arabic.



# *table of* **contents:**

<b>My Journeys with The Lone Tree</b> by Sharunizam Shari	34
<b>My Round Hat Dream</b> by Sharina Saad	36
<b>Nur Seri Maya</b> by Shahirah Binti Khairudin	37
<b>Sebuah Perjalanan; “Muhasabah Diri”</b> by Nadia Farleena Bt Mohd Aznan, Siti Maziah Binti Ab Rahman, Yusrina Hayati Nik Muhammad Naziman, Nor Haryanti Md Nor & Dr. Azmahani Yaacob@Othman	40
<b>Teori Sesat Profesor Linguistik</b> by Syahrul Fithri Musa	42
<b>The Conversation That Matters</b> by Suriana Ramli	44
<b>The House Across the Paddy Fields</b> by Norliza Che Mustafa	46
<b>The Inspired Educator (忆良师)</b> by Ng Set Foong	48
<b>True Love’s Chase</b> by Nawal Esa Binti Yazid Esa	49
<b>Universiti Teknologi MARA Joins Sakura Science Exchange Programme at The University of The Ryukyus, Okinawa, Japan</b> by Sharir Aizat Kamaruddin	51

# Preface



## Mr. Azlan Abdul Rahman

Head of Faculty  
Academy of Language Studies  
UiTM Kedah Branch

Welcome to Epitome, the 3rd Issue – a collection of thoughts, reflections, and stories that encapsulate the essence of an academic's journey. As the pages unfold, you will embark on a thoughtful exploration of the human experience, woven through the threads of joy, sorrow, and everything in between.

In designing this compilation, our intention is to offer readers a mirror to their own experiences, inviting moments of reflection and connection. Epitome is not just a creative publication; it is an invitation to pause, reflect, and find quality in the shared tapestry of our existence.

Through these pages, the reader may encounter familiar landscapes of the heart and perhaps discover a transformed perspective on the beauty and complexity of academic life. Each piece within Epitome is a humble contribution to the ongoing dialogue of what it means to be human.

I extend our heartfelt gratitude to all those who have been a part of this journey – especially to all the contributors and the esteemed Epitome Editorial Team. Your involvement and presence surely added depth and meaning to this publication.

May Epitome serve as a companion, provoking thought and sparking moments of connection and collaboration.

Thank you for embarking on this literary voyage with us.

# Editor-In-Chief



*Creativity is intelligence having fun*

**Dear Epitome Community,**

We are back for the third issue and enthusiastic to share with all of you the collection of creative writings crafted by dedicated and imaginative writers. In this third issue, we present a variety of articles ranging from playwriting to lyric essays, each offering a unique tone and style of writing. Thanks to all the creative and talented writers, we hope these pieces can inspire you in various ways.

We would like to extend our congratulations to all the inspiring writers for their valuable contributions and unwavering support. Many of these names are familiar to us, as some have been submitting their work since our first volume. Additionally, we would like to express our gratitude to the dedicated committee and reviewers for their time and expertise.

Thank you for being a part of our Epitome community.

Till the next volume,

**Dr. Nur Syazwanie Mansor**  
**Editor-in-Chief,**  
**The Epitome**



# Nur Seri Maya

**Shahirah Binti Khairudin**

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Pulau Pinang



Malam semakin larut. Suasana sepi menyelubungi kamar empat segi itu. Di suatu sudut, seorang lelaki terduduk lesu. Badannya diikat di sebuah kerusi kayu buruk. Penyandarnya sudah rompong sedikit.

“Kenapa kau buat aku begini Maya?” suara garau itu kedengaran lemah sekali.

Tiada jawapan. Sunyi dan sepi seperti tadi. Yang kedengaran hanya bunyi kipas siling berpusing perlahan. Berkerut bunginya. Angin deras membanting tingkap kayu yang tadinya ternganga lebar. Lelaki itu tersentak. Wajahnya dinaikkan. Dalam cahaya samar, dia dapat melihat seraut wajah yang dahulunya dia kenal benar. Dahulu, wajah itu yang sering dia rindukan.

“Bodo!” pemilik seraut wajah itu bersuara keras lantas mendekati tingkap kayu yang terkutup dihempas angin. Dia mengunci selak tingkap itu, kemudian kembali duduk bersandar di tiang seri rumah.

“Hey jantan! Kau lapar tidak?!”

“Lepaskan aku Maya,” lirih suaranya sambil menghantar pandang ke arah perempuan yang duduk di hadapannya.

“Kau tak faham bahasa kah? Lain aku tanya, lain yang kau jawab! Aku bagi kau makan besi ni kau mahu?” bentaknya sambil mengunjukkan sebatang besi karat panjang, rapat ke wajah Kamal. Kamal memalingkan wajahnya.

“Pandang muka aku!” tengking perempuan itu.

“Aku dah lama derita kau tahu! Dan selama itu juga aku simpan dendam aku pada kau. Kau ingat lagi tidak hah jantan keparat?”

“Maya.. Aku cintakan kau. Kau dah jadi isteri aku Maya,”

Ptuih ! Cecair putih berbuih kecil-kecil tepat mengenai wajah Kamal.

“Isteri?” tawa perempuan itu meledak. Seraya itu besi panjang yang digenggam sedari tadi dibuang ke lantai. Gema besi terhempas ke lantai tidak sedikit pun membuatnya tersentak. Perempuan itu mencapai sebilah pisau di hujung meja, dan dilayang-layangkan di depan mata Kamal.

“Kau dah musnahkan hidup aku Kamal. Kau musnahkan hidup aku! Kau ingat lagi Kamal, apa yang jantan keparat itu lakukan pada aku? Kau ingat lagi tidak?” bentaknya.

Kamal tunduk tidak berikut sedikit pun. Rambutnya direntap kasar. Sebilah pisau didekatkan ke leher Kamal.

“Siapa jantan keparat itu Kamal? Kau kenal bukan?

## KAMPUNG BUNGA SEKUNTUM, 8.45 malam

“Cakap Maya! Anak siapa yang kau kandungkan?!” amarah Pak Tahar tak dapat di tahankan lagi. Diterajangnya tubuh kecil Maya. Mengerekot anaknya menahan sakit. Maya cuba bangkit, tapi tubuhnya sudah terlalu lemah. Tangannya meraba-raba mencari kaki milik Abah. Dia sendiri tahu, sujud dan cium kaki abah juga tidak mampu meredakan amarah abah. Tapi hanya itu yang dia mampu.

“Aku besarkan kau dengan sempurna, aku didik kau dengan ilmu dunia akhirat, tapi ini yang kau balas. Anak tak berguna! Kau panggil Ehsan datang sekarang. Aku nikahkan kau dengan Ehsan malam ini juga!”

“Ampunkan Maya abah. Ini bukan anak Ehsan,” kaki abahnya di peluk erat. Esaknya makin deras.

“Abah, ampunkan Maya,” serunya lagi. Terhenjut-henjut bahunya seiring dengan esak tangis. Sejurus itu badannya terasa melambung lagi diterajang Pak Tahar. Bibirnya sudah pecah berdarah. Badannya lebam-lebam akibat diterajang dan dipukul Pak Tahar.

Amarah Pak Taha semakin menggila bila mendengarkan bahawa anak yang dikandung itu bukan dari benih Ehsan. Nafas Pak Taha sudah jadi tidak tentu. Sesak dadanya.

"Anak tak tahu di untung. Mengulit lelaki bagai pelacur. Tak pernah ada dalam keturunan aku ini, perempuan seperti kau. Kau bukan anak aku lagi Maya. Kau bukan anak aku," ujarnya sambil memegang dada yang terasa ketat.

"Abah.. Maya bukan seperti apa yang abah sangka. Maya diperkosa abah. Maya diperkosa," ujarnya dalam lirih. Perlahan-lahan dia mendekati abahnya yang hampir jatuh terjelepuk ke lantai. Dia ambil tangan abahnya lalu di genggam erat.

"Maya tidak berniat untuk malukan abah,"

"Jangan sentuh aku. Aku malu punya anak seperti kau. Kau bukan anak aku,"

"Abah.. Maya tidak ada siapa-siapa lagi dalam dunia ini selain abah. Tolong jangan buang Maya abah," raungnya.

"Siapa jantan itu Maya?"

"Kamal," ujarnya perlahan.

"Perkosa apanya sedang Kamal itu kau kenal sejak kecil!" amarah abahnya memuncak kembali. Kali ini tiada lagi pukulan keras abah di atas badan lansingnya. Orang tua itu meluru masuk ke kamar Maya dan seketika kemudian keluar kembali dengan timbunan pakaian serta sebuah beg kain kosong lalu dilemparkan di hadapan muka Maya.

"Nah! Kau ambil ini, kau bungkus dan keluar dari rumah aku. Mulai hari ini, aku haramkan kau jejakkan kaki di rumah ini. Berambus!"

"Abah.. jangan buat Maya macam ini abah. Maya minta ampun," rayunya dalam esak tangis yang semakin kuat. Dia peluk kaki abah lalu dicium kaki abah sembahunya, dan seperti tadi kaki abah keras menerjang batang tubuhnya. Esak tangis Maya berlagu panjang lalu tenggelam dalam dingin malam.

#### PEJABAT KADI DAERAH KUALA BUNGA, 11.00 pagi

"Kamal bin Affandi, aku nikahkan dikau dengan Nur Seri Maya binti Abdullah berwakil walikan hakim dengan mas kahwinnya lapan puluh tinggit tunai,"

Lafaz akad tuan kadi disambut dengan sekali dalam satu helaan nafas. Hari ini, tanggal sebelas haribulan tiga, tahun sembilan belas sembilan puluh sembilan, hari Khamis, Nur Seri Maya sah bergelar isteri kepada seorang lelaki bernama Kamal. Kamal yang pernah mewarnai hidup zaman kanak-kanaknya satu ketika dahulu, Kamal yang menyimpan rasa cintanya pada Nur Seri Maya sejak zaman mereka sama-sama belum kenal apa erti cinta. Lelaki yang telah sah menjadi suaminya sedetik tadi adalah Kamal. Ya Kamal. Kamal yang telah memporak perandakan seluruh impian dan mimpi yang dia lukiskan pada cermin angan.

Saat itu air matanya menitis laju membasahi pipinya yang hanya beralaskan bedak nipis. Saat itu juga tangisnya sendiri, tiada bahu untuk dia dakap dan berkongsi rasa yang berbaur. Saat itu dia sendiri. Saat itu dia tidak punya siapa-siapa melainkan hati yang parah luka dihiris serpihan kaca angan yang berderai.

Maya berjalan pantas di hadapan, meninggalkan Kamal yang sedang mengekor langkahnya di belakang. Dia berdiri di tepi motokar berwarna merah saga sementara menanti suaminya membuka kunci untuk membolehkan dia menempatkan diri di dalam perut motokar itu. Ya motokar itu. Motokar ini lah yang memalitkan sejarah hitam di dalam kamus hidupnya. Motokar ini lah. Motokar ini dan malam yang penuh celaka itu.

"Kamal aku lelap dulu. Sampai nanti kau kejutkan aku ya," ujarnya dalam nada lemah. Suaranya perlahan sekali, kantuknya bermaharajalela. Mungkin kesan dari ubatan yang diambilnya seketika tadi. Ehsan, tunangannya memberi sepenuh rasa percaya kepada teman baiknya Kamal untuk menolong membawanya ke klinik.

Sesaat dua selepas itu, dia hilang. Hilang dalam kantuk dan telah badan. Sedar-sedar saja, baju entah ke mana, kainnya pula tersingkap lebar. Dia mahu menjerit, tapi dipecup rapat oleh tangan gagah milik lelaki durjana yang sangat dia percaya. Pada malam celaka itu, segalanya jadi kabur. Angannya melebur jadi dongeng yang tidak akan dapat dia raih sampai bila pun.

"Maya, kita dah sampai," suara suaminya bergema. Suami? Pergi jahanam dengan sebaris nama 'suami'; itu. Dia jetak.

Menonong sahaja Maya melangkah masuk ke rumah kayu yang tersergam dengan tangga batu berukir indah. Dia sudah biasa benar dengan persekitaran rumah itu. Masakan tidak, rumah ini menjadi saksi persahabatan yang terjalin antara dia dan Kamal, rumah ini menjadi salah satu persinggahannya lewat kedewasaan dia.

"Siapa suruh kau datang hah?" malantun suara mak Jenab masuk ke corong deria dengarnya. Dia diam tanpa sepatah bicara. Hanya matanya sahaja mencerlung tajam, memerhatikan sekujur tubuh Mak Jenab yang tampak garang benar seolah-olah mahu menerkamnya. Tanpa rasa peduli, terus sahaja dia menghilang ke kamar. Jiwynya kosong. Tak kuasa mahu berbicara apa-apa pun.

Sejak dari saat dia menjekakan kaki sebagai menantu di rumah itu, herdik dan caci maki sudah sebat dengan diri. Segala yang menerjah telinga, dia simpan kemas dalam hati. Akan tiba jua suatu hari yang pasti nanti. Akan ditebus segala kesakitan dan penghinaan.

## KAMPUNG BUNGA SEKUNTUM, 6.00 petang

Mak Jenab rebah menggelupur di atas lantai.. Badannya mengejung, mulutnya sudah senget. Bisik lembut Maya di telinganya bagai mencekik-cekik rongga pernafasannya.

“Kau tahutak mak, Rosnah dengan Karim bercerai, bukan kerana Karim bermain mata dengan aku. Bukan Karim yang gatal mak. Sebenarnya aku yang goda Karim, kami tidur bersama adalah dalam lima kali dan Karim lebih cintakan aku daripada si Rosnah, menantu kesayangan mak yang hitam melegam itu,”

Mak Jenab terus menggelupur, namun tidak sedikit pun mencuit simpati dalam hati Maya.

“Kau tahu mak, aku dulu diperkosa oleh Kamal. Kalau bukan kerana memikirkan nama kau, dah tentu berita aku diperkosa akan menghiasi dada akhbar. Kau berhutang dengan aku tau mak. Kau sepatutnya layan aku bagaikan puteri, bukan seperti hamba abdi,”

“Assalamualaikum,” suara parau Kamal bergema di muka pintu.

“Ya Allah.. mak. Macam mana boleh jadi begini mak,” ujar Maya dalam esak tangis yang sengaja dia ada-adakan.

“Abang, tengok mak abang. Maya tak tahu macam mana nak buat. Selamatkan mak abang,”

Malam itu, suara jemaah masjid bergema dengan bacaan surah Yassin dan tahlil. Malam itu juga, Kamal mencari sekujur tubuh miliknya untuk didakap, untuk disandarkan rasa pilu kerana kehilangan ibu tercinta. Pada malam itu juga, untuk kali pertama dia menyungging senyum bahagia. Maya gembira kerana bahagian pertama dan kedua telah tamat dengan jayanya. Karim telah dihalau keluar dari rumah oleh Kamal. Mak Jenab diserang strok, lalu terbujur kaku di tengah rumah. Tiada lagi kedengaran lantunan suaranya menghina dan mencaci akan kewujudan dirinya di rumah ini. Sungguh dia puas.

## KAMPUNG BUNGA SEKUNTUM, 2.20 pagi

“Maya, aku nak buang air,” suara garau itu tidak lagi segagah dulu. Maya tersenyum sinis, puas dengan apa yang telah dia lakukan.

“Kau kencing saja lah di situ,” ujar Maya ringkas.

“Aku nak berak lah. Kau buka lah ikatan aku ni,”

“Kau jangan nak bodohkan aku lah Kamal,”

“Kau bunuh lah aku Maya, kalau itu yang boleh puaskan hati kau,”

Maya diam. Kata-kata Kamal bergema dan berulang di dalam kepalanya. Dia tidak terfikir mahu bunuh Kamal. Kamal itu teman sepermainannya sejak kecil. Kamal itu teman yang sering ada, setia mendengar segala keluh kesah dan esak tangisnya. Tapi Kamal juga telah meragut seluruh kehidupannya. Kasih sayang abah, cinta Ehsan, rumahtangga yang dia idam malah segalanya.

Maya mengangkat wajah, menghalakan pandangannya meratah seraut wajah milik Kamal. Kamal itu suaminya. Kamal yang berhati binatang itu suaminya. Kamal lelaki bajingan itu suaminya. Dia berjalan perlahan menghampiri sesusuk tubuh yang terikat di kerusi berhadapan dengannya.

“Kau mahu aku lepaskan ikatan kau? Benar kau mahu itu?” soalnya sambil mendekatkan wajahnya ke wajah Kamal. Kamal mengangguk lemah.

“Kau ceraikan aku sekarang,” sambungnya lagi.

“Aku sayangkan kau Maya,”

“Kalau sayangkan aku, ceraikan aku. Atau.. kau mahu lihat aku mati di hadapan kau?” ujar Maya sambil cuba menghunuskan pisau ke perutnya sendiri.

“Jangan Maya. Jangan !”

“Baiklah. Maya, aku ceraikan kau,”

Sejurus itu tawa Nur Seri Maya bergema. Dia membuka ikatan yang menjerut batang tubuh sederhana milik Kamal. Terlerai sahaja ikatan, Kamal cuba mendekati Maya. Dia mahu dakap tubuh itu. Dia mahu Maya jadi seperti Maya yang dulu. Dengan tak semena-mena, badannya tiba-tiba kaku. Sebilah pisau terhunus di perut dan akhirnya dia rebah. Sayup-sayup di hujung telinga dia dengar hilai tawa Nur Seri Maya.

“Masakan aku tergamak untuk bunuh suami aku? Tapi saat ini, kau bukan suami aku lagi. Kau memang patut mati,” dan tawa itu bergema tanpa henti. Hatinya puas. Dendamnya terbalas.

The End.



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

*The*  
**Epitome**  
*/ɪ'pɪtəmi/*

